

SHIT tidak perlu diharamkan — Zainudin

UM 26 APR 1999

KUALA LUMPUR . 25 April - Kerajaan tidak perlu mengharamkan novel *SHIT* dan menarik balik anugerah Sasterawan Negara, Datuk Profesor Shahnon Ahmad kerana *SHIT* adalah *shit*, kata Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Zainudin Maidin.

Beliau berkata, persepsi manusia yang telah melalui evolusi dan revolusi peradaban sejak turuntemurun tidak pernah menukar persepsi dan penilaian mereka terhadap *shit* kecuali segelintir manusia yang terpesong daripada tamadun kemanusiaan itu sendiri.

"Bagaimanapun terserah kepada Shahnon untuk jujur kepada diri sendiri sama ada akan mengembalikan anugerah Sasterawan Negara itu kepada negara jika beliau berada dalam kekacauan emosi tentang nilai hadiah itu yang datangnya dari sebuah negara yang sistem partinya baru disedari oleh Shahnon sebagai

shit," katanya di sini hari ini.

Zainudin atau lebih dikenali sebagai Zam berakta, sebagai seorang yang telah mengenali sejarah negara dan UMNO dari awal, Shahnon sendiri tentu tahu bahawa UMNO yang menunjangi kerajaan Barisan Nasional (BN) (dulu Perikatan) adalah pragmatik, toleran dan tidak berorientasikan ideologi.

Menurut beliau, oleh kerana sifat-sifatnya itu maka UMNO atau kerajaan BN telah memberikan anugerah-anugerah negara bukan sahaja kepada yang layak tetapi juga yang tidak layak termasuk penentang-penentang UMNO sendiri, malah kepada pengkhianat negara demi untuk kepentingan politik dan sikap toleransi nya (UMNO).

Beliau yang merupakan kawan rapat Shahnon dari zaman remaja hingga ke hari ini menambah, ramai sasterawan dan penulis yang terang-terangan ti-

dak menjawai dan menghayati dasar UMNO malah pernah terlibat sebagai ejen negara asing ketika konfrontasi telah diberikan tempat dalam institusi-institusi UMNO dan kerajaan serta diberikan anugerah .

"Ini adalah jauh berzanya dengan negara-negara lain yang menghukum mati atau menyumbatkan orang-orang seperti ini dalam penjara

hingga ke akhir hayat mereka," jelasnya.

Menurut beliau, sikap itulah yang telah membentuk satu sistem birokrasi dan politik yang terus menguruskan masalah-masalah keruangan negara dengan toleransi dan bijaksana sehingga pendukung-pendukung UMNO yang merupakan majoriti pendukung kerajaan sekarang merasa tidak sabar lagi.

"Sebagai seorang rakan rapat Shahnon sejak zaman muda remaja hingga ke hari ini, saya cukup memahami kekacauan emosinya dalam pencapaian kedudukan akademik di Universiti Sains Malaysia (USM)."

"Saya tidak tahu kenapa kekecewaan pada orang lain dilemparkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Tetapi mungkin orang lain telah memberitahunya bahawa Dr. Mahathir yang membuat segala keputusan," ujar Zainudin.